

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- a) berapakah jumlah aduan berkenaan penyebaran ajaran Syiah di Malaysia yang telah diterima oleh pihak Majlis Agama Islam di setiap negeri sepanjang tahun 2018 hingga suku tahun ketiga 2019 ; dan
- b) apakah tindakan serta usaha yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengekang penularan penyebaran fahaman Syiah di Malaysia

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKIM, hanya menerima satu aduan rasmi mengenai aktiviti penyebaran Syiah pada tahun 2018. Manakala di peringkat negeri pula, aduan mengenai penyebaran ajaran Syiah diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) masing-masing. Bagaimanapun, JAKIM sentiasa bekerjasama dengan pihak negeri dalam memantau penyebaran ajaran Syiah melalui pelbagai platform termasuk mesyuarat dan perbincangan antara JAKIM, JAIN dan MAIN yang diadakan secara berkala.

b) Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan mengekang penularan penyebaran fahaman Syiah di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Pandangan Hukum, Fatwa dan Perundangan:

- i. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang bersidang pada 5 Mei 1996, antara lain telah menetapkan pandangan hukum bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak. Selain itu, menetapkan bahawa ajaran Islam selain daripada pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah dilarang.
- ii. Seterusnya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI ini telah disusuli dengan fatwa pengharaman Syiah di 13 buah negeri di Malaysia. Fatwa ini telah pun diwartakan serta boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pengikut Syiah.
- iii. Pemantauan secara berkala dan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah oleh pihak berkuasa agama negeri sekiranya terbukti terdapat unsur-unsur penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung fahaman ini.

2. Program penjelasan dan penerangan kepada masyarakat:

- i. Melalui siri penjelasan dalam seminar dan forum berkaitan akidah yang dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri.

- ii. Pendedahan bahaya fahaman Syiah melalui media baharu dan penyiaran seperti siaran khutbah serta rancangan-ancangan agama seperti rancangan Forum Perdana Ehwat Islam dan Anda Musykil? yang disiarkan melalui TV serta rancangan lain yang turut diterbitkan dan disiarkan melalui radio stesen-stesen nasional Kerajaan serta boleh diakses melalui media baharu.
 - iii. Melaksanakan muzakarah pakar, sidang meja bulat dan bengkel bersama agensi peringkat Persekutuan dan Negeri bagi berkongsi input dan mencari solusi untuk menangani masalah penulatan ajaran Syiah dan keclaruan pemikiran yang dibawa oleh golongan ini.
 - iv. Program pemantapan kefahaman Ahli Sunnah wal-Jamaah dengan agensi yang menyelaras program kepada penjawat awam dan institusi pengajian tinggi khususnya kepada pelajar yang akan ke luar negara. Slot-slot penerangan mengenai akidah diberi kepada mereka dan dimasukkan dalam modul-modul yang berkaitan.
 - v. Penerbitan bahan bacaan dan buku yang berkaitan isu Syiah dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi dan Jabatan Mufti/Jabatan Agama Islam/Majlis Agama Islam Negeri bagi memberi pendedahan dan rujukan kepada masyarakat berhubung perkara ini.
3. Pendidikan peringkat rendah/ Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA):

Penekanan terhadap pendidikan akidah yang benar melalui penggubalan kurikulum agama yang berkaitan akidah bagi pendidikan agama khususnya di peringkat sekolah rendah melalui Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA).

Sekian, terima kasih.